

16 OCT 2000

Ling-Cermin

JPJ DIARAH KAJI SEMULA PENGGUNAAN CERMIN GELAP PADA BAS

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) diarah mengkaji semula penggunaan cermin gelap oleh bas persiaran dan bas berhenti-henti, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau berkata kajian itu meliputi semua aspek termasuk daripada segi keselamatan dan keselesaan penumpang.

"Kerajaan akan memutuskan sama ada bas akan terus dibenarkan memasang cermin gelap atau sebaliknya berdasarkan kepada kajian itu nanti," katanya kepada media selepas majlis penyerahan cek bagi konsert agama Buddha di kementeriannya di sini. Beliau ialah penaung konsert itu.

Dr Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah meminta peraturan itu dikaji semula ekoran pembunuhan jurutera komputer Nor Suzaily Mukhtar, 24, dalam bas yang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Klang baru-baru ini.

Beliau berkata peraturan membenarkan penggunaan cermin gelap pada asalnya diberikan kepada bas persiaran sahaja bagi memberi keselesaan kepada pelancong asing terutama dari Barat yang tidak tahan dengan cuaca panas di negara ini.

Bagaimanapun, peraturan itu kemudian diperluaskan kepada perkhidmatan bas berhenti-henti setelah mendapat permintaan daripada pengusaha bagi memberi keselesaan kepada semua penumpang, katanya.

Dr Ling berkata buat masa sekarang semua bas yang memasang cermin gelap diwajibkan mematuhi syarat 50 peratus penembusan cahaya dan ia hendaklah diperiksa di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) dari semasa ke semasa bagi menentukan syarat itu sentiasa dipatuhi.

Mengenai cadangan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menaikkan kadar tambang bagi sektor antarabangsa, Dr Ling berkata kerajaan tidak campur tangan kerana kadar tambang sektor itu ditentukan oleh keadaan pasaran.

Beliau berkata sebagai syarikat penerbangan yang berpengalaman, MAS lebih arif tentang kadar tambang bagi penerbangan antarabangsa yang kompetitif bagi menarik lebih ramai orang menggunakan perkhidmatannya.

Bagaimanapun, katanya, sebarang cadangan menaikkan kadar tambang penerbangan domestik perlu terlebih mendapat kebenaran kerajaan.

-- BERNAMA

AKT ZS AKD